

**STPM/S910**

**PEPERIKSAAN  
SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA  
(STPM)**

**BAHASA MELAYU  
Sukatan Pelajaran  
dan  
Soalan Contoh**

Sukatan pelajaran ini digunakan bagi peperiksaan tahun 2004 dan tahun-tahun seterusnya sehingga diberitahu.



***MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA***

# ***KANDUNGAN***

## **Sukatan Pelajaran 910 Bahasa Melayu**

	<i>Halaman</i>
Matlamat	1
Objektif	1
Kandungan sukatan pelajaran	2 – 16
Bentuk Peperiksaan	17
Senarai Rujukan	18 – 19
Soalan Contoh:	
Bahasa Melayu Kertas 1 (910/1)	20 – 35
Bahasa Melayu Kertas 2 (910/2)	36 – 40

## 910 BAHASA MELAYU

### Matlamat

Matlamat sukatan pelajaran ini adalah untuk

- (a) membolehkan pelajar menguasai kecekapan berbahasa setaraf dengan peringkat intelek pelajar pada peringkat prauniversiti;
- (b) meningkatkan keupayaan berbahasa di kalangan pelajar untuk kepentingan pendidikan tinggi dan kerjaya serta memantapkan rasa bangga terhadap bahasa Melayu; dan
- (c) melahirkan pelajar yang kreatif dan kritis berasaskan pemikiran logik.

### Objektif

Objektif sukatan pelajaran ini adalah untuk

- (a) memperkenalkan sejarah dan kekeluargaan bahasa Melayu serta perkembangan bahasa Melayu mutakhir;
- (b) meningkatkan pengetahuan tentang sistem bunyi, ejaan, kosa kata, dan tatabahasa bahasa Melayu;
- (c) memperkukuh pengetahuan tentang sejarah perkembangan aksara Jawi;
- (d) membina kebolehan mengungkapkan fikiran dengan menggunakan bahasa yang betul dan berkesan;
- (e) meningkatkan kebolehan memahami bahan yang beraneka jenis, gaya, dan wacana tentang berbagai-bagai perkara;
- (f) meningkatkan kebolehan memperluas sesuatu idea atau perkara dengan cara yang tersusun, padat, dan meyakinkan;
- (g) memantapkan penggunaan bahasa dari segi ejaan, kosa kata, tatabahasa, dan ungkapan mengikut konteks yang sesuai;
- (h) membina kecekapan merumus kandungan pelbagai bahan bacaan, dan mengungkapkannya kembali dengan padat dan jitu;
- (i) membina kecekapan menganalisis dan menginterpretasi rangsangan daripada pelbagai bahan;
- (j) membina kecekapan mengalih bentuk sesuatu penulisan kepada bentuk yang lain; dan
- (k) meningkatkan kebolehan mengenal pasti dan membetulkan kesalahan-kesalahan bahasa.

## **Kandungan**

Sukatan pelajaran ini dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu *Pengetahuan Tentang Bahasa Melayu* dan *Kecekapan Berbahasa*.

### ***Pengetahuan Tentang Bahasa Melayu***

Bahagian *Pengetahuan Tentang Bahasa Melayu* bertujuan membina kefahaman terhadap bahasa Melayu. Aspek yang diliputi ialah Sejarah dan Perkembangan Bahasa Melayu, Dinamika Bahasa Melayu, dan Sistem Bahasa Melayu.

Pengetahuan tentang sejarah dan perkembangan bahasa Melayu akan membolehkan pelajar memahami latar belakang, asal usul, dan tahap perkembangannya untuk menyedarkan mereka bahawa bahasa Melayu mempunyai sejarah yang membanggakan.

Aspek dinamika bahasa ditekankan untuk menunjukkan kepelbagaian dan kesegaran bahasa Melayu sebagai alat perhubungan, di samping memperlihatkan ciri-ciri kesantunan bahasa Melayu.

Selain itu, pengetahuan tentang sistem bahasa Melayu akan membolehkan pelajar memahami pelbagai peraturan bahasa supaya mereka dapat menggunakan bahasa Melayu dengan betul, tepat, dan berkesan dalam komunikasi lisan dan tulisan.

### ***Kecekapan Berbahasa***

Bahagian *Kecekapan Berbahasa* bertujuan memantapkan penggunaan bahasa Melayu. Bahagian ini terdiri daripada Karangan, Rumusan, Alih Bentuk Teks, Analisis Kesalahan Bahasa, dan Pemahaman.

Bahagian ini bertujuan meningkatkan kemampuan pelajar mengungkapkan, memperluas, dan memaparkan sesuatu idea dengan tepat, matang, bernas, dan meyakinkan. Turut diberi penekanan ialah kecekapan memahami bahan untuk mengenal pasti pelbagai idea dan merumuskannya dengan padat dan jitu. Selain itu, kecekapan mengubah kandungan teks ke dalam bentuk lain dengan cara yang berkesan diberi tumpuan. Kemampuan mengenal pasti dan menganalisis pelbagai kesalahan bahasa dan keupayaan membetulkannya juga ditekankan.

Aspek-aspek ini akan dapat meningkatkan penguasaan bahasa pelajar secara yang lebih mantap dan berkesan dalam bidang penulisan.

**BAHAGIAN PENGETAHUAN TENTANG BAHASA MELAYU**

Tajuk	Huraian	Catatan
<p><b>1. Sejarah dan Perkembangan Bahasa Melayu</b></p> <p>1.1 Asal Usul Bahasa Melayu</p> <p>1.2 Bahasa Melayu Kuno</p> <p>1.3 Bahasa Melayu Klasik</p> <p>1.4 Bahasa Melayu Moden</p>	<p>(a) Konsep “Melayu”</p> <p>(i) Definisi awal istilah “Melayu”</p> <p>(ii) Definisi dari segi etimologi</p> <p>(iii) Definisi berdasarkan bangsa</p> <p>(b) Salasilah bahasa Melayu</p> <p>Huraian salasilah bahasa Melayu dalam rumpun Austronesia menggunakan skema perkembangan bahasa Melayu daripada filum Austrik kepada bahasa Melayu moden</p> <p>(c) Hipotesis tempat asal bahasa Melayu</p> <p>(i) Kawasan Asia Tenggara</p> <p>(ii) Kawasan Nusantara</p> <p>(a) Definisi bahasa Melayu kuno</p> <p>(b) Ciri bahasa Melayu kuno</p> <p>(i) Sistem tulisan dan ejaan</p> <p>(ii) Kosa kata</p> <p>(c) Bahan bukti</p> <p>Contoh: batu bersurat, daun lontar, kulit kayu</p> <p>(a) Definisi bahasa Melayu klasik</p> <p>(b) Ciri bahasa Melayu klasik</p> <p>(i) Sistem tulisan dan ejaan</p> <p>(ii) Kosa kata</p> <p>(iii) Tatabahasa</p> <p>(c) Perkembangan aksara Jawi</p> <p>(d) Bahan bukti</p> <p>Contoh: Batu Bersurat Terengganu, surat-surat awal, karya sastera</p> <p>(a) Konsep bahasa Melayu moden</p>	<p>Memperkenalkan konsep “Melayu”</p> <p>Dikaitkan dengan istilah filum bahasa, rumpun bahasa, dan keluarga bahasa</p> <p>Dikaitkan dengan bukti-bukti tertentu</p> <p>Memperkenalkan konsep bahasa Melayu kuno</p> <p>Memperkenalkan konsep bahasa Melayu klasik</p> <p>Tumpuan hanya kepada sejarah perkembangan aksara Jawi</p> <p>Memperkenalkan konsep dan ciri bahasa Melayu moden</p>

Tajuk	Huraian	Catatan
<p>1.5 Unsur Asing Dalam Bahasa Melayu</p>	<p>(b) Tahap perkembangan bahasa Melayu moden</p> <p>(i) Bahasa Melayu moden pramerdeka</p> <p>Usaha meningkatkan kedudukan bahasa Melayu oleh individu, pertubuhan, dan institusi.</p> <p>Contoh: Za'ba, Pejabat Karang Mengarang, Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu, Jawi Peranakan</p> <p>(ii) Bahasa Melayu moden pascamerdeka</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>– Penubuhan dan peranan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)</li> <li>– Perancangan bahasa Melayu <ul style="list-style-type: none"> <li>• perancangan taraf</li> <li>• perancangan korpus</li> </ul> </li> <li>– Fungsi bahasa Melayu moden <ul style="list-style-type: none"> <li>• bahasa komunikasi</li> <li>• bahasa perpaduan</li> <li>• bahasa ilmu</li> </ul> </li> </ul> <p>(a) Latar belakang peminjaman bahasa</p> <p>(b) Bahasa sumber:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>– bahasa Sanskrit</li> <li>– bahasa Arab</li> <li>– bahasa Parsi</li> <li>– bahasa Jawa</li> <li>– bahasa Cina</li> <li>– bahasa Tamil</li> <li>– bahasa Portugis</li> <li>– bahasa Belanda</li> <li>– bahasa Inggeris</li> </ul>	<p>Penekanan kepada tahap-tahap perkembangan bahasa Melayu sebelum dan selepas merdeka</p> <p>Penekanan kepada peranan DBP sebagai badan perancangan bahasa</p> <p>Rujuk:</p> <p>(i) Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan</p> <p>(ii) Akta Bahasa Kebangsaan 1963/1967</p> <p>(iii) Akta Pendidikan 1996</p>

Tajuk	Huraian	Catatan
<p><b>2. Dinamika Bahasa Melayu</b></p> <p>2.1 Variasi Bahasa</p> <p>2.2 Laras Bahasa</p> <p>2.3 Wacana</p> <p>2.4 Retorik</p>	<p>(a) Definisi variasi bahasa</p> <p>(b) Jenis variasi bahasa dan cirinya</p> <p>(i) Bahasa baku – dialek</p> <p>(ii) Bahasa formal – bahasa tak formal</p> <p>(iii) Bahasa halus – bahasa kasar</p> <p>(iv) Bahasa istana – bahasa biasa</p> <p>(a) Definisi laras bahasa</p> <p>(b) Jenis laras bahasa dan cirinya</p> <p>Contoh: Laras sains, laras ekonomi, laras undang-undang, laras agama, laras sukan, laras sastera</p> <p>(a) Definisi wacana</p> <p>(b) Ciri wacana</p> <p>(i) Mempunyai tujuan</p> <p>(ii) Berlandaskan hubungan penutur-pendengar</p> <p>(iii) Berurutan</p> <p>(iv) Mengandungi maklumat baharu</p> <p>(v) Tiada maklumat bertentangan</p> <p>(c) Penanda wacana</p> <p>Contoh: Walau bagaimanapun, di samping itu, oleh itu, oleh yang demikian, maka, hatta</p> <p>(a) Definisi retorik</p> <p>(b) Jenis retorik dan cirinya</p> <p>(i) Pemerian</p> <p>(ii) Pemujukan</p> <p>(iii) Penerangan</p> <p>(iv) Penceritaan</p> <p>(v) Pendedahan</p> <p>(vi) Penghujahan</p> <p>(c) Teknik penyampaian idea</p> <p>(i) Deduksi</p> <p>(ii) Induksi</p> <p>(iii) Analogi</p>	<p>Mengenal dan membezakan jenis variasi bahasa</p> <p>Mengenal dan membezakan jenis laras bahasa</p> <p>Pengenalan kepada konsep wacana dan penggunaannya</p> <p>Pengenalan kepada konsep retorik dan penggunaannya</p>

<b>Tajuk</b>	<b>Huraian</b>	<b>Catatan</b>
2.5 Kesantunan berbahasa	(a) Definisi kesantunan berbahasa (b) Ciri kesantunan berbahasa (i) Penggunaan bahasa halus – Ungkapan bertatasusila Contoh: Terima kasih, sila masuk, jemput duduk – Intonasi yang sesuai (ii) Penggunaan kata ganti, bentuk sapaan, dan gelaran mengikut situasi	Mengenal pelbagai bentuk kesantunan berbahasa  Jenis-jenis gelaran – kekeluargaan – keturunan – anugerah – ikhtisas
<b>3. Sistem Bahasa Melayu</b>		
3.1 Fonologi	(a) Definisi fonologi (b) Konsep bunyi, fonem, huruf, dan suku kata (c) Penggolongan bunyi bahasa (i) Vokal (ii) Konsonan (iii) Diftong (d) Cara menghasilkan bunyi bahasa (e) Sistem ejaan bahasa Melayu (i) Pola keselarasan vokal (ii) Pengejaan – kata pinjaman – kata berimbuhan – kata majmuk – klitik (f) Tanda baca	Pengenalan kepada sistem bunyi bahasa Melayu  Mengenal lambang fonetik     Penekanan kepada aspek penggunaan sistem ejaan yang betul  Klitik: ku, kau, -mu, -nya  Penekanan kepada aspek penggunaan tanda baca yang betul
3.2 Tatabahasa	(a) Definisi tatabahasa (b) Bahagian tatabahasa (i) Morfologi (ii) Sintaksis	Pengenalan kepada tatabahasa bahasa Melayu



Tajuk	Huraian	Catatan
3.2.1 Morfologi	<p>(a) Definisi morfologi</p> <p>(b) Konsep morfem</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Morfem bebas</li> <li>(ii) Morfem terikat <ul style="list-style-type: none"> <li>– awalan</li> <li>– akhiran</li> <li>– sisipan</li> <li>– apitan</li> </ul> </li> </ul> <p>(c) Konsep perkataan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Kata akar</li> <li>(ii) Kata dasar</li> </ul> <p>(d) Bentuk kata</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Kata tunggal</li> <li>(ii) Kata terbitan</li> <li>(iii) Kata majmuk</li> <li>(iv) Kata ganda</li> </ul> <p>(e) Proses pembentukan kata</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Pengimbuhan <ul style="list-style-type: none"> <li>– definisi</li> <li>– jenis imbuhan <ul style="list-style-type: none"> <li>• imbuhan kata nama</li> <li>• imbuhan kata kerja</li> <li>• imbuhan kata adjektif</li> </ul> </li> </ul> </li> <li>(ii) Pemajmukan <ul style="list-style-type: none"> <li>– definisi</li> <li>– jenis kata majmuk <ul style="list-style-type: none"> <li>• kata majmuk yang terdiri daripada rangkai kata bebas</li> <li>• kata majmuk daripada istilah khusus dalam bidang ilmiah</li> <li>• kata majmuk yang mendukung maksud kiasan, iaitu simpulan bahasa</li> </ul> </li> </ul> </li> </ul>	<p>Pengenalan kepada bidang morfologi bahasa Melayu</p> <p>Menjelaskan konsep dan jenis morfem dalam bahasa Melayu</p> <p>Mengenal konsep perkataan sebagai unit ujaran yang bebas dan mengandungi makna</p> <p>Mengenal bentuk kata dan pola suku kata</p> <p>Bentuk kata tunggal meliputi juga kata akronim</p> <p>Mengenal perbezaan antara kata akronim dengan singkatan dalam bahasa Melayu</p> <p>Mengenal dan memahami jenis imbuhan, mengetahui fungsi dan menggunakan imbuhan dengan betul</p> <p>Mengenal dan memahami proses pemajmukan serta penggunaannya yang betul</p>

Tajuk	Huraian	Catatan
	<p>(iii) Penggandaan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>– definisi</li> <li>– jenis penggandaan <ul style="list-style-type: none"> <li>• penggandaan penuh</li> <li>• penggandaan separa</li> <li>• penggandaan berentak</li> </ul> </li> </ul> <p>(f) Golongan kata</p> <p>(i) Kata nama</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>– am</li> <li>– khas</li> <li>– ganti nama</li> </ul> <p>(ii) Kata kerja</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>– transitif</li> <li>– tak transitif</li> </ul> <p>(iii) Kata adjektif</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>– kata adjektif sifat atau keadaan</li> <li>– kata adjektif warna</li> <li>– kata adjektif ukuran</li> <li>– kata adjektif bentuk</li> <li>– kata adjektif waktu</li> <li>– kata adjektif jarak</li> <li>– kata adjektif cara</li> <li>– kata adjektif perasaan</li> <li>– kata adjektif pancaindera</li> </ul> <p>(iv) Kata tugas</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>– kata hubung</li> <li>– kata seru</li> <li>– kata tanya</li> <li>– kata perintah</li> <li>– kata pangkal ayat</li> <li>– kata bantu</li> <li>– kata penguat</li> <li>– kata penegas</li> <li>– kata nafi</li> <li>– kata pemerih</li> <li>– kata sendi nama</li> <li>– kata pembenar</li> <li>– kata arah</li> <li>– kata bilangan</li> <li>– kata penekan</li> <li>– kata pembenda</li> </ul>	<p>Penekanan kepada proses penggandaan dan penggunaannya yang betul</p> <p>Mengenal dan membezakan golongan kata</p> <p>Mengenal dan memahami jenis kata nama</p> <p>Mengenal dan memahami jenis kata kerja serta penggunaannya yang betul</p> <p>Mengenal dan memahami jenis kata adjektif serta penggunaannya yang betul</p> <p>Mengenal pelbagai jenis kata tugas dan fungsinya dalam ayat serta penggunaannya yang betul</p>

Tajuk	Huraian	Catatan
3.2.2 Sintaksis	<p>(a) Definisi sintaksis</p> <p>(b) Ayat</p> <p>(i) Definisi ayat</p> <p>(ii) Binaan ayat</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- subjek dan predikat</li> <li>- unsur-unsur dalam subjek dan predikat</li> </ul> <p>(iii) Pola-pola ayat dasar</p> <p>FN + FN</p> <p>FN + FK</p> <p>FN + FA</p> <p>FN + FS</p> <p>(c) Frasa</p> <p>(i) Definisi frasa</p> <p>(ii) Jenis frasa</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- frasa nama</li> <li>- frasa kerja</li> <li>- frasa adjektif</li> <li>- frasa sendi nama</li> </ul> <p>(iii) Binaan frasa</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- frasa nama</li> <li>- frasa kerja</li> <li>- frasa adjektif</li> <li>- frasa sendi nama</li> </ul> <p>(d) Klausa</p> <p>(i) Definisi klausa</p> <p>(ii) Jenis klausa</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- klausa bebas</li> <li>- klausa tak bebas</li> </ul> <p>(e) Susunan ayat</p> <p>(i) Susunan biasa</p> <p>(ii) Susunan songsang</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- bentuk susunan songsang <ul style="list-style-type: none"> <li>• pendepanan seluruh predikat</li> <li>• pendepanan sebahagian predikat</li> </ul> </li> </ul> <p>(f) Ragam ayat</p> <p>(i) Ayat aktif</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- ayat aktif transitif</li> <li>- ayat aktif tak transitif</li> </ul>	<p>Pengenalan kepada bidang sintaksis bahasa Melayu</p> <p>Memahami binaan subjek dan predikat dan pola-pola ayat dasar</p> <p>Pengenalan kepada konsep frasa endosentrik dan frasa eksosentrik</p> <p>Mengenal, memahami, dan membezakan pelbagai jenis dan binaan frasa</p> <p>Memahami konsep klausa dan jenis klausa</p> <p>Memahami dan mengenal susunan ayat biasa dan ayat songsang</p> <p>Memahami dan menggunakan ragam ayat dengan betul</p>

Tajuk	Huraian	Catatan
3.3 Semantik	<p>(ii) Ayat pasif</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Jenis ayat pasif <ul style="list-style-type: none"> <li>• ayat pasif dengan kata kerja pasif</li> <li>• ayat pasif dengan kata ganti nama</li> <li>• ayat pasif dengan perkataan “kena”</li> </ul> </li> </ul> <p>(g) Jenis ayat</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Ayat penyata</li> <li>(ii) Ayat perintah</li> <li>(iii) Ayat seru</li> <li>(iv) Ayat tanya</li> </ul> <p>(h) Bentuk ayat</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Ayat tunggal</li> <li>(ii) Ayat majmuk <ul style="list-style-type: none"> <li>- ayat majmuk gabungan</li> <li>- ayat majmuk pancangan <ul style="list-style-type: none"> <li>• ayat pancangan</li> <li>• komplemen</li> <li>• ayat pancangan relatif</li> <li>• ayat pancangan keterangan</li> </ul> </li> <li>- ayat majmuk campuran</li> </ul> </li> </ul> <p>(i) Proses penerbitan ayat</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Konsep ayat terbitan</li> <li>(ii) Proses penerbitan ayat <ul style="list-style-type: none"> <li>- pengguguran</li> <li>- penyusunan semula</li> <li>- peluasan</li> </ul> </li> </ul> <p>(a) Definisi semantik</p> <p>(b) Konsep dan makna</p> <p>(c) Perubahan makna</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Peluasan makna Contoh: saudara, anda, kapal</li> <li>- Penyempitan makna Contoh: madrasah, pondok, khalwat, tuan, cik</li> </ul>	<p>Memahami dan membezakan jenis ayat</p> <p>Memahami dan membezakan pelbagai bentuk ayat majmuk</p> <p>Mengenal, memahami, dan menganalisis ayat terbitan</p> <p>Pengenalan kepada bidang semantik</p> <p>Memahami perkaitan antara bentuk, makna, dan rujukan</p> <p>Jelaskan sebab berlaku perubahan makna</p>

Tajuk	Huraian	Catatan
	<p>(d) Perkaitan makna perkataan dari segi:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Leksikal <ul style="list-style-type: none"> <li>– sinonim</li> <li>– antonim</li> <li>– hiponim</li> <li>– homonim</li> <li>– polisemi</li> </ul> </li> <li>(ii) Konteks <ul style="list-style-type: none"> <li>– denotatif</li> <li>– konotatif</li> </ul> </li> </ul> <p>(e) Peribahasa</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Perumpamaan</li> <li>(ii) Pepatah</li> <li>(iii) Bidalan</li> <li>(iv) Kiasan</li> <li>(v) Kata hikmat</li> <li>(vi) Simpulan bahasa</li> <li>(vii) Perbilang</li> </ul>	<p>Homonim meliputi homograf dan homofon</p> <p>Mengenal dan memahami jenis peribahasa dan penggunaannya</p>

**BAHAGIAN KECEKAPAN BERBAHASA**

Tajuk	Huraian	Catatan
<p><b>1. Karangan</b></p>	<p>Menulis pelbagai jenis karangan berformat dan tidak berformat dengan menggunakan bahasa yang betul, tepat, dan berkesan</p> <p>(a) Jenis karangan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Rencana</li> <li>(ii) Laporan</li> <li>(iii) Ceramah/syarahan/ucapan/pidato</li> <li>(iv) Memorandum</li> </ul> <p>(b) Kemahiran yang diberi tumpuan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) mengumpulkan idea yang berkaitan dengan tajuk</li> <li>(ii) menyediakan rangka karangan</li> <li>(iii) menyusun idea mengikut urutan yang sesuai</li> <li>(iv) mendraf karangan</li> <li>(v) menyampaikan idea dalam bentuk wacana yang utuh</li> <li>(vi) mengarang perenggan permulaan dan penutup yang kemas dan menarik</li> <li>(vii) menggunakan tatabahasa yang betul</li> <li>(viii) menggunakan gaya bahasa dan pilihan kata yang sesuai</li> <li>(ix) mengedit draf</li> </ul>	<p>Bidang tajuk</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>– ekonomi</li> <li>– politik</li> <li>– pendidikan</li> <li>– sukan</li> <li>– bahasa</li> <li>– seni/budaya</li> <li>– sains dan teknologi</li> <li>– kemanusiaan dan kemasyarakatan</li> <li>– sastera</li> <li>– sejarah</li> <li>– geografi</li> <li>– hal ehwal wanita/remaja, dll.</li> </ul> <p>Penekanan kepada Kemahiran Berfikir secara Kreatif dan Kritis (KBKK)</p> <p>Bentuk tugasan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>– bincangkan</li> <li>– huraikan</li> <li>– jelaskan</li> <li>– beri ulasan/pandangan/pendapat</li> <li>– beri cadangan</li> <li>– beri penilaian</li> <li>– bahaskan</li> </ul> <p>Penilaian karangan berasaskan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) kematangan fikiran</li> <li>(ii) kerelevanan isi</li> <li>(iii) pemilihan kata/diksi</li> <li>(iv) tatabahasa yang betul</li> <li>(v) kohesi dan koheren</li> </ul>

Tajuk	Huraian	Catatan
2. <b>Rumusan</b>	<p>Mengolah semula kandungan teks dengan gaya sendiri tanpa mengubah maksud asal. Teks yang dihasilkan hendaklah lebih ringkas dan memperlihatkan kohesi dan koheren dengan bahasa yang tepat dan kemas.</p> <p>(a) Bahan</p> <p>Teks prosa daripada pelbagai sumber yang meliputi pelbagai bidang.</p> <p>(b) Kemahiran yang diberi tumpuan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) mengenal pasti isi utama, isi sokongan, dan kesimpulan</li> <li>(ii) menyusun dan mengolah semula idea dan fakta</li> <li>(iii) menyampaikan idea dan fakta dengan tepat dan ringkas</li> <li>(iv) menggunakan bahasa yang segar, persis, dan rap</li> </ul>	<p>Penilaian rumusan berasaskan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) ketepatan isi</li> <li>(ii) kelancaran idea</li> <li>(iii) penggunaan bahasa yang baik dan betul</li> <li>(iv) pemerenggan</li> </ul>
3. <b>Alih bentuk teks</b>	<p>Mengubah pelbagai bentuk teks dengan mengekalkan kandungan asal sepenuhnya.</p> <p>(a) Bahan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Puisi Melayu lama <ul style="list-style-type: none"> <li>– syair</li> </ul> </li> <li>(ii) Puisi Melayu moden <ul style="list-style-type: none"> <li>– sajak</li> </ul> </li> <li>(iii) Prosa klasik</li> <li>(iv) Prosa moden <ul style="list-style-type: none"> <li>– cerpen</li> <li>– novel</li> <li>– drama</li> </ul> </li> <li>(v) Pelbagai laras moden <ul style="list-style-type: none"> <li>– iklan</li> <li>– dokumen undang-undang</li> <li>– memorandum</li> </ul> </li> </ul>	<p>Sajak yang tidak kabur</p>

Tajuk	Huraian	Catatan
<p>4. <b>Analisis kesalahan bahasa</b></p> <p>5. <b>Pemahaman</b></p>	<p>(b) Kemahiran yang diberi tumpuan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) memahami kandungan teks asal</li> <li>(ii) menyampaikan kandungan teks asal ke dalam bentuk yang dikehendaki</li> <li>(iii) menggunakan gaya dan laras yang sesuai</li> <li>(iv) menggunakan semua aspek struktur bahasa dengan betul dan tepat</li> </ul> <p>Mengenal pasti, menganalisis, dan membetulkan kesalahan bahasa yang terdapat dalam petikan.</p> <p>Kesalahan bahasa meliputi:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>– ejaan</li> <li>– tanda baca</li> <li>– kosa kata</li> <li>– imbuhan</li> <li>– frasa</li> <li>– klausa/ayat</li> </ul> <p>Memahami pelbagai bahan</p> <p>(a) Bahan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Bahan linear</li> <li>(ii) Bahan bukan linear</li> </ul> <p>(b) Kemahiran yang diberi tumpuan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) membaca sepintas lalu dan menyerot maklumat</li> <li>(ii) membaca secara kritis dan analitis</li> <li>(iii) memahami maksud perkataan berdasarkan konteks</li> </ul>	<p>Aspek bahasa meliputi tatabahasa, ejaan, diksi, dan tanda baca</p> <p>Penilaian alih bentuk teks berasaskan kepada</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) ketepatan isi</li> <li>(ii) penggunaan bahasa yang baik dan betul</li> </ul> <p>Penilaian analisis kesalahan bahasa berasaskan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) pengenalpastian kesalahan</li> <li>(ii) ketepatan dan kewajaran analisis</li> <li>(iii) ketepatan pembetulan</li> </ul> <p>Bahan linear bermaksud teks prosa</p> <p>Bahan bukan linear termasuk graf, jadual, carta, carta aliran, gambar, gambar rajah, dll.</p> <p><b>Aspek pemahaman dinilai dalam Kertas 1</b></p>



Tajuk	Huraian	Catatan
	<ul style="list-style-type: none"> <li>(iv) memahami hubungan makna <ul style="list-style-type: none"> <li>– dalam ayat</li> <li>– antara ayat</li> <li>– dalam perenggan</li> <li>– antara perenggan</li> </ul> </li> <li>(v) memahami dan menginterpretasi graf, jadual, carta, carta aliran, gambar rajah, dll.</li> <li>(vi) membezakan isi utama dengan isi sokongan</li> <li>(vii) membezakan isi yang relevan dengan yang tidak relevan</li> <li>(viii) membezakan antara fakta dengan pendapat</li> <li>(ix) membuat inferensi</li> <li>(x) membuat hipotesis</li> <li>(xi) membuat ramalan</li> <li>(xii) membuat kesimpulan</li> <li>(xiii) membuat parafrasa</li> </ul>	

## **Bentuk Peperiksaan**

Peperiksaan bagi mata pelajaran ini terbahagi kepada dua kertas, iaitu Kertas 1 dan Kertas 2.

### **Kertas 1 (2 jam)**

Kertas ini mengandungi 60 soalan aneka pilihan yang merangkumi pemahaman, sejarah dan perkembangan bahasa Melayu, dinamika bahasa Melayu, dan sistem bahasa Melayu.

### **Kertas 2 (3 jam)**

Kertas ini mengandungi empat bahagian, iaitu A, B, C, dan D. Calon dikehendaki menjawab semua bahagian.

#### **Bahagian A: Karangan (50 markah)**

Calon dikehendaki menu lis karangan berdasarkan salah satu daripada empat tajuk yang dikemukakan. Panjangnya antara 650 hingga 700 patah perkataan.

#### **Bahagian B: Rumusan (20 markah)**

Satu petikan yang panjangnya antara 450 hingga 500 patah perkataan akan dikemukakan. Calon dikehendaki merumuskannya sehingga menjadi lebih kurang satu pertiga ( $\frac{1}{3}$ ) daripada jumlah perkataan dalam petikan asal.

#### **Bahagian C: Alih Bentuk Teks (15 markah)**

Dua petikan teks yang setiap satu panjangnya antara 120 hingga 150 patah perkataan akan dikemukakan. Calon dikehendaki memilih salah satu teks dan mengalih bentuk teks tersebut mengikut arahan soalan.

#### **Bahagian D: Analisis Kesalahan Bahasa (15 markah)**

Rangsangan yang mengandungi kesalahan bahasa akan dikemukakan. Calon dikehendaki mengenal pasti, menjelaskan sebab kesalahan, dan membetulkan kesalahan-kesalahan bahasa.

## Senarai Rujukan

1. Abdullah Hassan. *Linguistik Am Untuk Guru Bahasa*, Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., Petaling Jaya, 1980.
2. Abdullah Hassan. *Penerbitan Kata dalam Bahasa Malaysia*, Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., Petaling Jaya, 1986.
3. Abdullah Hussain. *Kamus Istimewa Peribahasa Melayu*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1982.
4. Amat Johari Moin. *Perancangan Bahasa: Aksara Jawi*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1996.
5. Amat Johari Moin. *Sistem Panggilan dalam Bahasa Melayu: suatu analisis sosiolinguistik*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1989.
6. Amat Johari Moin. *Utamakanlah Kesantunan Berbahasa*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1992.
7. Asmah Haji Omar. *Nahu Melayu Mutakhir*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, Edisi 4, 1993.
8. Asmah Haji Omar. *Language and Society in Malaysia*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1982.
9. Asmah Haji Omar. *Bahasa Iklan Perniagaan: Satu Kajian Bahasa Retorik*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1984.
10. Asmah Haji Omar. *Perancangan Bahasa dengan Rujukan Khusus kepada Perancangan Bahasa Malaysia*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, Edisi 3, 1985.
11. Asmah Haji Omar. *Bahasa Diraja*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1985.
12. Asmah Haji Omar. *Susur Galur Bahasa Melayu*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1985.
13. Awang Sariyan. *Kesalahan Umum Penggunaan Bahasa Malaysia*, Sarjana Enterprise, Kuala Lumpur, 1983.
14. Dewan Bahasa dan Pustaka. *Kertas Kerja Hari Sastera 1982*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1982.
15. Dewan Bahasa dan Pustaka. *Dewan Budaya*.
16. Dewan Bahasa dan Pustaka. *Dewan Ekonomi*.
17. Dewan Bahasa dan Pustaka. *Dewan Kosmik*.
18. Dewan Bahasa dan Pustaka. *Dewan Masyarakat*.
19. Dewan Bahasa dan Pustaka. *Dewan Sastera*.
20. Dewan Bahasa dan Pustaka. *Jurnal Dewan Bahasa*.
21. Dewan Bahasa dan Pustaka. *Pelita Bahasa*.
22. Hashim Musa. *Epigrafi Melayu: Sejarah Sistem Tulisan dalam Bahasa Melayu*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1977.
23. Ismail Hussain. *Sejarah Pertumbuhan Bahasa Kebangsaan Kita*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1966.

24. Malaysia, Jawatankuasa Mengkaji Penggunaan Bahasa Malaysia. *Laporan Jawatankuasa Mengkaji Penggunaan Bahasa Malaysia*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1981.
25. Nik Safiah Karim. *Beberapa Persoalan Sosiolinguistik Bahasa Melayu*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1981.
26. Nik Safiah Karim. *Laras Bahasa*, Nurin Enterprise, Kuala Lumpur, 1989.
27. Nik Safiah Karim. *Sosiolinguistik Bahasa Melayu dan Pengajarannya*, Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., Petaling Jaya, 1988.
28. Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Hj. Musa, Abdul Hamid Mahmood. *Tatabahasa Dewan*, Edisi Baharu, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1995.
29. Nor Hashimah Jalaluddin. *Asas Fonetik*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1998.
30. Noriah Mohamed. *Sejarah Sosiolinguistik Bahasa Melayu Lama*, Penerbit USM, Pulau Pinang, 1999.
31. Noriah Mohamed. *Sosiolinguistik Bahasa Melayu di Malaysia*, Penerbit USM, Pulau Pinang, 1998.
32. Raja Mukhtaruddin bin Raja Mohd. Dain. *Pembinaan Bahasa Melayu: Perancangan Bahasa Di Malaysia*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1982.
33. Raminah Hj Sabran. *Kajian Bahasa*, Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., Petaling Jaya, 1988.
34. Raminah Hj Sabran. *Kecekapan Berkomunikasi dalam Bahasa Malaysia: Untuk pelatih Maktab Perguruan*, Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., Petaling Jaya, 1989.
35. Wong Khok Seng. *Kesinambungan Topik*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1995.
36. Za'ba. *Ilmu Mengarang Melayu*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1965.

# SOALAN CONTOH

910/1

STPM

BAHASA MELAYU

KERTAS 1

(Tiga jam)

MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA  
(MALAYSIAN EXAMINATIONS COUNCIL)

SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA  
(MALAYSIA HIGHER SCHOOL CERTIFICATE)

**Arahan kepada calon:**

Ada **enam puluh** soalan dalam ujian ini. Tiap-tiap soalan diikuti oleh **lima** pilihan jawapan: anda dikehendaki memilih jawapan yang tepat sekali dan menandakan jawapan itu pada Kertas Jawapan Objektif yang berasingan.

Baca arahan pada Kertas Jawapan Objektif itu dengan teliti.

Jawab **semua** soalan. Markah tidak akan ditolak bagi jawapan yang salah: jumlah markah anda dalam ujian ini ialah bilangan soalan yang dijawab dengan betul.

---

Kertas soalan ini terdiri daripada **halaman bercetak dan halaman kosong.**

© Majlis Peperiksaan Malaysia

Soalan-soalan 1 hingga 4 berdasarkan petikan di bawah ini.

Benak Igal berputar-putar. Wajah Ilak dan Sitam bersilih ganti dalam kepalanya. Paling menghampakan ialah sikap Ilak, anak sulungnya, yang menentang rancangan Ilak bagaikan dirasuk oleh hantu punggur. Setiap cadangannya ditentang sungguh-sungguh. Tidak guna selama ini Igal menghantar Ilak ke sekolah di Sungai Dua kalau sikap begitu yang dipilih Ilak. Cadangan yang senang itu pun tidak mampu difikirkan oleh Ilak. Apatah lagi persoalan yang berat yang memerlukan pertimbangan fikiran yang tajam dan bernas. Igal tidak mengharapkan Ilak keluar mencari kerja di pejabat kerajaan. Itu semua tidak ada dalam perkiraan Igal. Dalam perkiraannya, biarlah Ilak memahami kehendaknya yang bukan sahaja menguntungkan dirinya tetapi juga menguntungkan anak buahnya yang lain. Sebagai ayah dan Batin, Igal berasa Ilak harus memikirkan tanggungjawabnya yang selama ini begitu berat dipikulnya. Malah, sebagai ketua, kepuasan setiap anak buahnya sedikit sebanyak terpaksa dikorbankan demi memuaskan hati yang lain. Itulah namanya berketua, berbatin dan beranak buah. Semua ini ada dalam perkiraan Igal dan perkiraan ini Igal letak paling atas daripada yang lain-lainnya.

Igal sendiri faham zaman sudah jauh beredar, kepantasannya sudah tidak terkejut lagi oleh kaumnya. Semua ini ada dalam fikiran Igal, semuanya sudah dicampur dan ditolak. Malah, Igal sudah melalui zaman bercawat hingga ke zaman anak buahnya berseluar dan berbaju. Dan apakah cadangan yang dibawa oleh tetamunya salah kalau mereka keluar dari hutan ini untuk bersama-sama berkampung di tempat yang disediakan, dengan rumah yang tidak bocor di sana sini pada musim tengkujuh dan berinding kayu, berketam dan berair paip. Apakah itu juga harus diputuskan oleh adat lembaga? Semua itu harus dikaji dan difikirkan semasak-masaknya, bukan ditentang membabi buta. Kesenangannya bukan sahaja pada Igal seorang tetapi juga pada Ilak, Sitam, Buih, Sabun, dan kalau arwah ayahnya, Ratin Emping, masih ada, Igal pasti dia akan bersetuju dengan rancangannya itu.

Dalam apa jua keadaan, anak buahnya harus bersetuju, begitu juga lembaga adat. Keputusannya sudah muktamad. Ilak juga harus bersetuju walaupun terpaksa. Mereka bukannya dibuang terus. Anak buahnya juga tidak akan melarat seperti sekarang. Mereka akan punya rumah, punya tanah yang sah, punya wang daripada bayaran sugu hati dan setiap bulan mereka akan diberi bayaran bulanan. Kiranya anak buahnya rajin seperti selalu mereka akan mendapat wang yang lebih daripada hasil jualan damar, rotan sega, cendana, dan gaharu. Yang penting mereka masih bebas untuk melakukan kerja-kerja seperti biasa. Apa yang mereka mahukan lagi? Bayangan Ilak dan Sitam akhirnya hilang begitu sahaja apabila Igal sudah tiba di hujung lorong yang mengarah ke bukit.


(Dipetik dan diubahsuaikan daripada  
cerpen *Ilak anak Igal* oleh Wan Yusof Hassan,  
*Dewan Sastera*, Julai 1985)

1 Igal hampa dengan sikap Ilak kerana Ilak

- A tidak mampu berfikir
- B tidak mahu memahami rancangannya
- C ingin mencari kerja di pejabat kerajaan
- D tidak mampu mengemukakan cadangan yang mudah
- E tidak boleh membuat pertimbangan yang rasional untuk menyelesaikan masalah

- 2 Ciri utama kepimpinan yang dimiliki oleh watak Igal ialah
- A mengutamakan suku-sakat
  - B menghargai pendapat anak buahnya
  - C mengutamakan keputusan lembaga adat
  - D mengambil berat tentang masalah anak buahnya
  - E memberi kepuasan kepada sebahagian besar anak buahnya
- 3 Apakah dilema yang paling besar yang dihadapi oleh Igal?
- A Kaumnya ketinggalan dalam arus pembangunan.
  - B Suku kaumnya menentang rancangan penempatan semula.
  - C Pembangunan akan menjejaskan kedudukannya sebagai batin.
  - D Pembangunan akan menjejaskan cara hidup dan adat resam kaumnya.
  - E Tawaran tetamunya bertentangan dengan tradisi hidup masyarakatnya.
- 4 Pada pendapat pengarang, faktor utama yang menyebabkan Igal menerima rancangan pembangunan yang disarankan oleh kerajaan ialah
- A hak istimewa kaumnya tetap terjamin
  - B suku kaumnya menikmati kemakmuran hidup
  - C kaum keluarga dan suku-sakatnya akan mendapat kesenangan hidup
  - D suku kaumnya masih bebas melakukan segala aktiviti yang diwarisinya
  - E suku kaumnya disediakan rumah, tanah, bayaran sagu hati dan elaun bulanan

Soalan-soalan 5 hingga 7 berdasarkan carta di bawah ini.





- 5 Tajuk yang paling sesuai bagi carta di atas ialah
- A Usaha Petani dan Pekerja
  - B Keperluan Hidup Petani dan Pekerja
  - C Perbezaan Mata Pencarian Petani dan Pekerja
  - D Pendapatan dan Perbelanjaan Petani dan Pekerja
  - E Sumbangan Pekerja dan Petani Kepada Masyarakat
- 6 Pernyataan yang benar tentang carta di atas ialah
- I petani dan pekerja saling memerlukan
  - II wujud kesamaan mutlak bagi keperluan petani dan pekerja
  - III pasar menjadi tempat pertukaran keperluan petani dan pekerja
  - IV cara penyimpanan dan pengendalian makanan pekerja dan petani adalah sama
- A I dan II
  - B I dan III
  - C II dan III
  - D II dan IV
  - E III dan IV
- 7 Berdasarkan carta, hal yang berikut menggambarkan persamaan antara petani dengan pekerja **kecuali**
- A kecekapan
  - B penjagaan kesihatan
  - C pengambilan makanan
  - D keperluan peralatan pekerjaan
  - E penyimpanan dan pengendalian makanan

Soalan-soalan 8 hingga 10 berdasarkan pelikan di bawah ini.

Perhijrahan buruh dan masalah pengangguran di Asia merupakan isu utama yang menimbulkan pelbagai masalah sosial dan politik yang mengancam masa depan Asia. Krisis ekonomi yang melanda kebanyakan negara Asia yang disebabkan merudumnya nilai mata wang menjadikan benua Asia terpaksa berhadapan dengan krisis pengangguran dan kemiskinan yang paling buruk. Dalam sejarah pembangunan ekonomi, Asia sebelum ini mengalami pertumbuhan yang rancak dan pesat menyaingi benua Eropah dan Amerika.

Pertumbuhan dan pembangunan yang tidak seimbang di kalangan negara Asia menyebabkan perhijrahan buruh berlaku secara meluas, dari negara-negara miskin ke negara-negara yang pesat membangun di Asia.

Perhijrahan buruh dari Asia ke negara-negara lain, seperti Australia, Amerika, dan Eropah juga mencatatkan pertambahan yang tinggi dalam tempoh sepuluh tahun. Kemakmuran yang tidak seimbang dan kemiskinan yang meningkat di sesetengah negara Asia mendorong perhijrahan buruh berlaku dengan pesatnya ke negara-negara lain di Asia.

Gelombang perhijrahan buruh di Asia memberi kesan tertentu kepada masalah yang dihadapi oleh negara-negara di benua Asia. Selain mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi, benua Asia pada umumnya mempunyai bilangan tenaga buruh kurang mahir yang paling tinggi berbanding dengan negara-negara lain di Eropah, Australia, dan Amerika. Benua Asia juga menawarkan tenaga buruh yang murah. Ini menjadi faktor penarik kepada pelabur asing yang melibatkan diri dalam pembangunan perindustrian di Asia.

Masalah ekonomi dan kemiskinan yang meruncing dihadapi oleh negara-negara Asia seperti China, Indonesia, India, Pakistan, Bangladesh, dan Filipina. Gejala ini telah mendorong berjuta-juta penduduk negara tersebut berhijrah ke negara Asia yang lain, seperti Malaysia, Singapura, dan Brunei untuk mencari peluang pekerjaan bagi mengubah nasib mereka. Walau bagaimanapun, harapan berjuta-juta buruh asing yang berhijrah ini menjadi hampa dan berkecai disebabkan kemelesetan ekonomi yang berlaku sejak awal tahun 1998 dan dijangka berterusan sehingga tahun 2000.

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada  
*Dewan Masyarakat*, Februari 1999)

8 Fokus perbincangan petikan di atas ialah

- A faktor-faktor perhijrahan buruh di Asia
- B perhijrahan buruh di negara-negara Asia
- C kesan perhijrahan buruh di negara-negara Asia
- D lebihan tenaga buruh di negara-negara membangun
- E gejala kemiskinan yang dihadapi oleh buruh di negara-negara Asia

9 Faktor yang menyebabkan berlakunya perhijrahan buruh di kalangan negara Asia ialah

- I kemakmuran yang tidak seimbang
- II kadar kemiskinan yang meningkat
- III pertumbuhan dan pembangunan yang stabil
- IV pelabur asing memerlukan tenaga buruh yang murah

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan III
- D II dan IV
- E III dan IV

**10** Masalah yang paling membimbangkan pengarang tentang kesan daripada krisis ekonomi di negara-negara Asia ialah

- A** kemiskinan
- B** gejala sosial
- C** pengangguran
- D** pembangunan yang tidak seimbang
- E** ledakan perhijrahan tenaga buruh kurang mahir

**11** Antara bahasa yang berikut, yang manakah serum pun dengan bahasa Melayu?

- I Iban
  - II Bisaya
  - III Khmer
  - IV Malagasi
- A** I dan III
  - B** II dan III
  - C** II dan IV
  - D** I, II, dan III
  - E** I, II, dan IV

**12** Padanan yang betul tentang batu bersurat dan tulisannya ialah

- I Kuala Berang – Tulisan Jawi
  - II Kedukan Bukit – Tulisan Kawi
  - III Talang Tuwo – Tulisan Pallava
  - IV Gandasuli – Tulisan Nagiri
- A** I dan II
  - B** II dan III
  - C** III dan IV
  - D** I, III, dan IV
  - E** II, III, dan IV

**13** Pilih pernyataan yang benar tentang bahasa Melayu klasik.

- I Menerima pengaruh Islam
  - II Meminjam kosa kata Parsi
  - III Digunakan sejak abad ke-10 di kepulauan Melayu
  - IV Digunakan sebagai bahasa perhubungan dalam kerajaan Srivijaya
- A** I dan II
  - B** I dan III
  - C** III dan IV
  - D** I, II, dan III
  - E** II, III, dan IV

**14** Antara yang berikut, yang manakah merupakan sebahagian daripada peruntukan dalam Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan?

- A** Setiap rakyat bebas menggunakan dialek masing-masing
- B** Setiap rakyat bebas mengajar dan mempelajari bahasa-bahasa lain
- C** Bahasa Inggeris boleh digunakan dalam urusan rasmi sehingga tahun 1970
- D** Bahasa-bahasa lain selain bahasa Melayu boleh digunakan dalam urusan dengan kerajaan
- E** Bahasa-bahasa lain selain bahasa Melayu boleh dijadikan bahasa pengantar di sekolah-sekolah jenis kebangsaan

15 “Pinjam terjemah” dalam proses penggubalan istilah bermaksud

- A mencipta istilah baharu
- B mengambil istilah asing
- C mengambil makna istilah asing
- D meluaskan makna kata pinjaman
- E mengambil istilah bahasa sukuan

16 Maksud yang paling tepat bagi istilah *pengekodan dalam perancangan bahasa* ialah

- A penghasilan satu variasi bahasa yang standard dan sempurna
- B pelaksanaan rancangan yang telah disusun untuk mengembangkan bahasa
- C pengembangan bahasa supaya tercapai keadaan saling terjemah dengan bahasa lain
- D perancangan pembinaan dan perkembangan bahasa untuk mewujudkan bahasa sebagai satu media komunikasi yang lengkap
- E penghasilan satu bahasa yang dapat mendukung tugas-tugas sebagai bahasa perantaraan di kalangan masyarakat

17 Ayat yang manakah yang tidak menunjukkan unsur pemulukan dan pendinaan dalam bahasa istana?

- A Baginda berdua sedang bersemayam di atas takhta.
- B Patik mohon perkenan tuanku untuk berucap kepada hadirin.
- C Segala titah duli tuanku terjunjung di atas jemala patik sekalian.
- D Ampun tuanku beribu-ribu ampun, sembah patik mohon diampun.
- E Patik sekalian menjunjung kasih atas keberangkatan tuanku ke majlis ini.

18

- |   |
|---|
| I: Penggunaan bahasa berdasarkan situasi                              |
| II: Kelainan bahasa disebabkan pemisahan geografi dan struktur sosial |

I dan II dalam pernyataan di atas merujuk kepada

	I	II
A	Retorik	Dialek
B	Dialek	Laras bahasa
C	Laras bahasa	Dialek
D	Wacana	Laras bahasa
E	Retorik	Laras bahasa

19 Antara pernyataan yang berikut, yang manakah menepati maksud laras bahasa?

- A Variasi bahasa yang mempunyai ciri-ciri khusus mengikut bidang.
- B Kepelbagaian ciri bahasa yang timbul apabila bahasa itu digunakan.
- C Kelainan bahasa yang dituturkan oleh kelompok dalam kawasan tertentu.
- D Cara sesuatu bahasa itu digunakan sama ada secara lisan atau secara bertulis.
- E Peraturan penggunaan sesuatu bahasa sama ada dalam konteks rasmi atau tidak rasmi.

20 Pilih pernyataan yang betul tentang ciri wacana?

- I Ada tujuan
- II Tiada maklumat baharu
- III Tiada maklumat bertentangan
- IV Ada hubungan penutur dengan pendengar

- A I dan III
- B II dan IV
- C I, II, dan III
- D I, III, dan IV
- E II, III, dan IV

21 Yang manakah pernyataan yang menepati unsur retorik penghujahan?

- A Penulis menjelaskan kekeliruan yang difikirkan mungkin timbul
- B Penulis mengemukakan pendapat atau usul yang dia mahu pembaca turut menyetujuinya
- C Penulis menyatakan pendapat atau pendirian dan mempengaruhi para pembaca supaya menerimanya
- D Penulis mengemukakan sesuatu pendapat dengan memberi gambaran yang lengkap supaya pendapatnya jelas kepada pembaca
- E Penulis mengemukakan sesuatu pendapat dengan memberi analogi terhadap hal lain yang berhubungan dengan apa yang dimaksudkannya

22 Kecantikan anda ialah anugerah Tuhan, dan anda harus menjaganya dengan sempurna. Dengan barangan keluaran syarikat kami, penjagaan kecantikan anda menjadi lebih sempurna.

Petikan di atas memperlihatkan jenis retorik

- A pemerian
- B pemujukan
- C penerangan
- D pendedahan
- E penghujahan

23 Padanan antara jawatan dan gelaran hormat yang berikut adalah betul **kecuali**

- A Senator – Yang Berhormat
- B Menteri Besar – Yang Berhormat
- C Pegawai Daerah – Yang Berusaha
- D Yang Dipertua Negeri – Tuan Yang Terutama
- E Timbalan Perdana Menteri – Yang Amat Berhormat

24 Antara yang berikut, bahagian lidah yang manakah yang diangkat sehingga menyentuh daerah artikulasi semasa menghasilkan bunyi [g]?

- A Akar lidah
- B Daun lidah
- C Depan lidah
- D Hujung lidah
- E Belakang lidah

25 Berdasarkan jadual yang berikut, pilih padanan yang betul bagi bunyi vokal dan konsonan dalam bahasa Melayu.

	Vokal	Konsonan
<b>A</b>	Semua bunyi vokal bersuara	Semua bunyi konsonan tak bersuara
<b>B</b>	Vokal membentuk suku kata	Konsonan juga membentuk suku kata
<b>C</b>	Aliran udara keluar tanpa gangguan	Terdapat gangguan semasa dihasilkan
<b>D</b>	Dalam penghasilan vokal yang disengaukan, udara keluar hanya melalui rongga hidung	Dalam penghasilan konsonan yang disengaukan, udara keluar melalui rongga hidung
<b>E</b>	Aliran udara keluar melalui rongga hidung	Aliran udara keluar melalui rongga mulut

26 Antara yang berikut, perkataan yang manakah semasa dihasilkan berlaku pengglotisan?

- A [dia]
- B [kuala]
- C [ketua]
- D [kaedah]
- E [suasana]

27 Yang manakah kumpulan bunyi yang terhasil apabila bibir bawah menjadi artikulator?

- A [ p, d, v ]
- B [ w, s, b ]
- C [ m, p, k ]
- D [ b, f, m ]
- E [ w, p, n ]

- 28
- |  |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bahagian depan lidah diturunkan serendah-rendahnya</li> <li>• Lelangit lembut diangkat untuk menutup rongga hidung</li> <li>• Keadaan bibir hampar</li> </ul> |
|--|

Huraian di atas menerangkan penghasilan

- A vokal depan luas
- B vokal depan sempit
- C vokal belakang sempit
- D vokal belakang separuh luas
- E vokal belakang separuh sempit

- 29
- |   |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Dua bibir dirapatkan</li> <li>• Udara keluar melalui rongga mulut dan tersekat di bahagian belakang rapatan dua bibir</li> <li>• Udara dilepaskan serta-merta tanpa menggetarkan pita suara</li> </ul> |
|---|

Huraian di atas menerangkan penghasilan bunyi

- A [p]
- B [b]
- C [m]
- D [f]
- E [v]

30 Perkataan yang manakah mengandungi konsonan pinjaman?

- A Atom
- B Wajib
- C Syarat
- D Almari
- E Dermaga

31 Antara perkataan yang berikut, yang manakah mempunyai bunyi diftong?

- I Rai
- II Serai
- III Maut
- IV Lampau

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D II dan IV
- E III dan IV

32 Pilih kumpulan kata ganda yang semuanya terbentuk daripada pengulangan konsonan.

A	huru-hara	bukit-bukau	dolak-dalik
B	kayu-kayan	selok-belok	mundar-mandir
C	lauk-pauk	hina-dina	sayur-mayur
D	saudara-mara	tanah-tanah	tinggi-lampai
E	hingar-bingar	lemah-longlai	subur-gebur

33 Antara yang berikut, yang manakah kata kerja tak transitif tanpa pelengkap?

- A Berdiam
- B Berjabat
- C Beransur
- D Berkirim
- E Bertandang

34 Imbuhan pada perkataan yang manakah mengekalkan jenis golongan kata?

- I Kerajaan
- II Kecantikan
- III Pemusnahan
- IV Perumahan

- A I dan II
- B I dan III
- C I dan IV
- D II dan IV
- E III dan IV

35 Antara ayat yang berikut, yang manakah menggunakan kata berimbuhan *memper ... kan* dengan betul?

- A Dia cuba mempersalahkan orang lain atas kelemahannya.
- B Jangan memperbesarkan kesalahan dan kelemahan orang lain.
- C Guru memperjelaskan soalan yang dikemukakan sebentar tadi.
- D Kita harus mempertingkatkan usaha untuk merealisasikan Wawasan 2020.
- E Rancangan Jejak Kasih dapat mempereratkan hubungan keluarga yang terpisah.

36 Ayat yang manakah mengandungi akhiran *-kan* yang membawa maksud perbuatan yang memberi manfaat kepada orang lain?

- I Dia membelikan ibunya ubat.
- II Koleksi rencana itu telah disiapkan oleh mereka.
- III Akan kami doakan kesejahteraan anda sekeluarga.
- IV Ketua Jabatan telah mengedarkan surat pekeliling itu.

- A I dan II
- B I dan III
- C I dan IV
- D II dan IV
- E III dan IV

37 Pilih ayat yang mengandungi kata praklausa.

- I Mengapa dia bertindak sendirian?
- II Kerana takut Ahmad melarikan diri.
- III Jangan ambil tahu akan masalahnya.
- IV Tatkala saya sampai mereka masih tidur.

- A I dan III
- B II dan III
- C III dan IV
- D I, II, dan IV
- E II, III, dan IV

38 Antara yang berikut, yang manakah kata terbitan bersisipan?

- A Keletah
- B Kelakar
- C Keledek
- D Kelambu
- E Kelembung

39 Ayat yang berikut menggunakan perkataan “manfaat” dengan imbuhan yang betul **kecuali**

- A Manfaatkanlah apa jua anugerah Tuhan dengan sebaik-baiknya.
- B Kejayaannya itu tidak membawa sebarang kemanfaatan kepada kita.
- C Kita perlu memanfaatkan pengetahuan sains untuk memajukan sektor industri.
- D Semua pengguna memanfaatkan sains dan teknologi untuk membangunkan negara.
- E Kepercayaan yang diberi oleh rakyat hendaklah dimanfaatkan dengan sebaik mungkin oleh pemimpin.



40 Antara yang berikut, yang manakah ayat yang sesuai menggunakan kata pemerai *adalah*?

- I Kenyataan itu sangat benar.
- II Yang berbaju merah itu anak Ketua Kampung.
- III Pusat pengundian itu di sebuah rumah penduduk kampung.
- IV Kemalangan yang berlaku itu disebabkan oleh kecuaiannya pemandu lori.

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan III
- D II dan IV
- E III dan IV

41 Antara yang berikut, yang manakah tergolong sebagai kata singkatan?

- I GPMS
- II MARA
- III INTAN
- IV ITM

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D II dan IV
- E III dan IV

42 Sejak lima bulan yang lalu kelas tarian itu mendapat sambutan.

Unsur keterangan predikat bagi ayat di atas ialah

- A kelas tarian itu
- B mendapat sambutan
- C lima bulan yang lalu
- D sejak lima bulan yang lalu
- E kelas tarian itu mendapat sambutan

43 Antara yang berikut, yang manakah ayat tunggal?

- A Ramli membaca buku yang baru dibelinya.
- B Pegawai itu akan datang lagi sekiranya dijemput.
- C Kebanyakan pelajar sekolah itu berasal dari kawasan luar bandar.
- D Pak Samad mendapat berita bahawa anaknya telah memenangi peraduan itu.
- E Pemenang pertandingan itu telah menerima sijil penghargaan dan wang tunai seribu ringgit.

44 Daripada jadual di bawah, yang manakah padanan yang betul antara jenis ayat dengan contohnya?

	Jenis ayat	Contoh ayat
A	Ayat suruhan	Buka buku pada halaman 30.
B	Ayat penyata	Bukalah buku kamu pada halaman 30.
C	Ayat silaan	Harap anda dapat berbuka puasa di rumah saya.
D	Ayat permintaan	Dia dijemput merasmikan pelancaran buku baharu.
E	Ayat larangan	Guru menegah pelajar membuka kasut di dalam kelas.

- 45 Pihak akhbar melaporkan bahawa terdapat lebih seratus orang warganegara asing telah diselamatkan dalam tragedi kapal karam itu.

Ayat di atas ialah ayat

- A majmuk campuran
  - B majmuk gabungan
  - C majmuk keterangan
  - D majmuk pancangan relatif
  - E majmuk pancangan komplemen
- 46 Pilih ayat pasif yang betul binaannya.
- A Salmi tersepak batu besar itu.
  - B Buku itu sudah dibaca oleh saya.
  - C Dia terkenang akan nasib perempuan tua itu.
  - D Seluruh kampung kegemparan kerana kejadian itu.
  - E Bas yang mereka naiki sudah pun berlepas sebentar tadi.
- 47 Antara ayat yang berikut, yang manakah ayat songsang?
- I Awak jangan ambil baju saya.
  - II Maka sampailah rombongan itu ke destinasi.
  - III Pada pukul 3.00 petang, majlis itu dimulakan.
  - IV Para peserta kursus mendaftar diri pada sebelah petang.
- A I dan II
  - B II dan III
  - C III dan IV
  - D I, II, dan IV
  - E II, III, dan IV
- 48 Ayat yang manakah mengandungi frasa adjektif sebagai predikat?
- A Buku itu lebih tebal daripada buku saya.
  - B Bunyi bising tersebut dari kantin sekolah.
  - C Orang kaya itu telah membeli rumah besar di atas bukit.
  - D Soalan yang sukar itu telah dijawab oleh pelajar Tingkatan 5.
  - E Pakar hidupan laut yang terkenal itu menjejaki seekor dugung.
- 49 Ayat yang manakah yang mengalami pendepanan predikat?
- I Cantik anak Pak Abu itu.
  - II Adik bongsunya guru Matematik.
  - III Bersukan menjadi kegemarannya.
  - IV Ke rumah baharunya Akil berpindah.
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan IV
  - D I, II, dan III
  - E II, III, dan IV

- 50 Ayat yang manakah mengandungi kata kerja pasif *ke ... an*?
- A Kita perlu menunjukkan *kesopanan* pada setiap masa.
  - B Tindakannya itu mendatangkan *kebaikan* kepada semua.
  - C Kelakuannya yang agak *kebaratan* amat tidak disenangi.
  - D *Kelajuan* kereta yang dipandunya melebihi had yang dibenarkan.
  - E Apabila terjumpa tapak harimau, penduduk kampung *kegemparan*.
- 51 Antara ayat berikut, yang manakah mengandungi frasa sendi nama sebagai predikat?
- I Saya pun hendak ke pejabat pagi ini.
  - II Ke pasar, agaknya, penghuni rumah itu.
  - III Pelajar-pelajar asrama itu sedang bersiar-siar di taman bunga.
  - IV Jawapan daripada peserta itu, pada fikiran saya, amat munasabah.
- A I dan II
  - B I dan III
  - C I dan IV
  - D II dan III
  - E II dan IV
- 52 Ayat yang manakah yang telah mengalami proses pengguguran?
- I Dia tidak datang ke sekolah kerana banjir kilat.
  - II Pelajar itu menyesal apabila gagal dalam peperiksaan.
  - III Posmen itu tetap meneruskan tugasnya walaupun badannya kurang sihat.
  - IV Mereka meraih kejayaan cemerlang setelah bertungkus-lumus mengulang kaji pelajaran.
- A I dan II
  - B II dan III
  - C II dan IV
  - D I, II, dan IV
  - E I, III, dan IV
- 53 Ayat yang manakah merupakan ayat majmuk komplemen frasa nama objek?
- A Pak Kassim berpendirian bahawa anaknya tidak bersalah.
  - B Pelajar itu bersetuju bahawa nasihat gurunya itu benar belaka.
  - C Saya sangat yakin bahawa dia akan berjaya dengan cemerlang.
  - D Tentulah tidak wajar bagi mereka untuk bertindak terburu-buru.
  - E Dia mengetahui bahawa Ahmad telah pergi buat selama-lamanya.
- 54 Ayat yang manakah **tidak** menepati pola FN + FK?
- A Sungai itu mengalir lesu.
  - B Adik saya tidur sungguh nyenyak.
  - C Warna pakaian persatuan kami hijau muda.
  - D Keluarga seniman itu hidup amat sederhana.
  - E Pasukan kadet polis itu sedang berkawad di padang.
- 55 Pilih ayat yang menggunakan kata kerja tak transitif berpelengkap.
- A Sakit neneknya beransur sembuh.
  - B Adik hendak tidur di dalam buaian.
  - C Pemain itu menendang bola ke pintu gol.
  - D Setiap hari dia mengelamun bersendirian.
  - E Padi Pak Seman sedang menguning di sawah.

56 Antara yang berikut, yang manakah **bukan** ayat relatif?

- A Yang merah itu baju saya.
- B Orang yang bersalah itu telah menerima hukuman.
- C Kakak gemar membaca cerita yang berunsur pengajaran.
- D Mereka berlindung di bawah khemah yang telah ditinggalkan.
- E Pemuda yang kemalangan semalam itu telah dibenarkan pulang.

57

- Ibu Ali sudah berangkat ke Mekah.
- Abang Ali ditukarkan ke *ibu* pejabat.
- Ali membeli *ibu* roti untuk kakaknya.

Perkataan yang berhuruf condong dalam ayat-ayat di atas dari segi leksikal boleh digolongkan sebagai

- A polisemi
- B sinonim
- C hiponim
- D antonim
- E homonim

58

Dua perkataan yang mempunyai persamaan makna, tetapi tidak selalunya dapat menggantikan satu sama lain.

Penyataan di atas merujuk kepada pengertian konsep

- A polisemi
- B antonim
- C sinonim
- D homograf
- E homonim

59

“Kita perlu berhati-hati kerana ada antara kita yang memberi maklumat kepada musuh-musuh kita di luar sana,” kata ketua kampung itu.

Peribahasa yang paling sesuai untuk menggambarkan sikap ahli kumpulan dalam petikan di atas ialah

- A talak dua muka
- B api dalam sekam
- C ada udang di sebalik batu
- D lempar batu sembunyi tangan
- E telunjuk lurus kelingking berkait

60 Peribahasa yang membawa maksud yang sama dengan *bagai tanduk bersendi gading* ialah

- A bagai bertih dalam kualiti
- B bagai kunyit dengan kapur
- C bagai lesung dengan antan
- D bagai bulan di pagar bintang
- E bagai cincin dengan permata

# ***SOALAN CONTOH***

**910/2**

**STPM**

**BAHASA MELAYU**

**KERTAS 2**

**(Tiga jam)**

**MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA**  
(MALAYSIAN EXAMINATIONS COUNCIL)

**SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA**  
(MALAYSIA HIGHER SCHOOL CERTIFICATE)

**Arahan kepada calon:**

*Jawab empat soalan, satu soalan daripada tiap-tiap Bahagian A dan C, dan soalan-soalan dalam Bahagian B dan D.*

*Gunakan lembaran kertas yang berasingan untuk tiap-tiap jawapan.*

*Markah maksimum bagi tiap-tiap soalan diberikan dalam tanda kurung [ ].*

---

**Kertas soalan ini terdiri daripada halaman bercetak dan halaman kosong.**

© Majlis Peperiksaan Malaysia

## **Bahagian A**

*Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 650 hingga 700 patah perkataan dengan berdasarkan satu daripada tajuk-tajuk di bawah ini.* [50]

**1** Masalah pencemaran alam sekitar pada masa ini telah menarik perhatian pelbagai golongan masyarakat. Bincangkan bagaimana sains dan teknologi dapat membantu kita mengatasi masalah tersebut.

**2** Kini, kafe siber menjadi tumpuan golongan remaja, terutamanya pelajar. Pada pendapat anda, apakah kesan-kesan yang timbul daripada kewujudan kafe siber seperti ini?

**3** Sebagai pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat, anda telah diminta menyampaikan ceramah bertajuk “Tanggungjawab dan peranan masyarakat dalam membantu ibu-ibu tunggal” kepada ahli persatuan wanita di tempat anda.

Sediakan teks ceramah tersebut.

**4** Sebagai setiausaha Majlis Belia Negeri, anda dan jawatankuasa majlis telah ditugaskan untuk menyediakan laporan mengenai punca-punca terjadinya gejala vandalisme di kalangan para remaja di tempat anda dan mengemukakan cadangan untuk mengatasinya. Sediakan laporan selengkapnya.

## Bahagian B

5 Fahami petikan di bawah ini dan kemudian rumuskan petikan ini dengan padat dan ringkas tanpa menjejaskan isi kandungannya. Rumusan hendaklah dibuat dengan menggunakan tidak lebih daripada tiga perenggan dan panjangnya antara 180 hingga 200 patah perkataan. [20]

Tidak mustahil untuk menjadikan negara Malaysia sebagai pusat kecemerlangan ilmu di rantau ini. Walau bagaimanapun, kita perlu terlebih dahulu mengubah pemikiran dalam menilai kecemerlangan ilmu kerana konsep ini perlu dilihat dari perspektif yang luas, terutama dari segi kandungan ilmu yang patut kita kembangkan. Umpamanya, mengapakah orang tertarik dengan pendidikan di Barat? Ini disebabkan peluang pendidikan di sana sangat luas. Bidang penyelidikan dan ilmu baharu berkembang dengan pesat. Oleh sebab itu, banyak orang pergi ke Barat untuk belajar. Dalam hal ini kita perlu berusaha supaya orang tertarik untuk belajar di negara kita dan bukan lagi di negara Barat.

Terdapat beberapa langkah yang perlu kita lakukan. Pertama, kita perlu menyediakan prasarana pendidikan yang lengkap dan baik untuk kemudahan pelajar. Kedua, biaya pendidikan hendaklah dikurangkan bagi membolehkan pelajar dari negara-negara lain menuntut di Malaysia. Ketiga, kurikulum perlu digubal supaya bukan sahaja menekankan aspek akademik, tetapi juga soal nilai-nilai kemanusiaan dalam pendidikan. Malah, kalau kita teliti sehingga sekarang, sudah banyak pelajar luar negara yang menuntut di Malaysia. Misalnya di UIA, lebih kurang 2000 pelajar luar negara sedang menuntut di sini mewakili 95 buah negara luar. Situasi ini menunjukkan bahawa minat pelajar luar untuk menuntut di Malaysia semakin meningkat dan salah satu sebabnya ialah kerana kualiti pendidikan negara sudah mula diyakini.

Di tengah-tengah kegawatan ekonomi yang kita hadapi sekarang, kerajaan mula mengurangkan penghantaran pelajar ke luar negara. Sebenarnya langkah ini adalah baik. Selain sebagai salah satu cara berjimat, langkah ini juga merupakan usaha mengiktiraf mutu pendidikan tempatan. Kita tidak menafikan bahawa di luar negara, terutama di negara-negara maju, kita boleh mendapat banyak ilmu dan pengalaman. Tetapi sekiranya kita boleh menyediakan kemudahan dan kualiti yang setanding dengan mereka, mengapakah mesti kita menghantar pelajar ke luar negara? Salah satu kelebihan yang diperolehi apabila anak-anak kita belajar dalam negara ialah mereka akan menerima orientasi yang beracuan budaya Malaysia.

Dalam usaha untuk meningkatkan mutu dan prasarana pendidikan, kita dicabar oleh laporan Asia Week yang membuat penarafan terhadap universiti-universiti di rantau Asia, termasuk yang ada di negara kita. Universiti-universiti di negara kita diletakkan dalam kategori yang tidak membanggakan. Namun kita boleh mempertikaikan laporan Asia Week kerana sifatnya yang amat kuantitatif. Antara ukuran yang digunakan ialah pencapaian ekonomi. Oleh sebab itu, pendapatan pensyarah universiti turut menjadi ukuran.

Dalam keadaan kegawatan ekonomi yang melanda negara kita, hal ini tentu memberi kesan sekiranya pencapaian ekonomi dijadikan salah satu ukuran. Asia Week seharusnya menilai secara menyeluruh kerana orientasi pendidikan di Malaysia turut menekankan kepentingan kokurikulum. Pelajar-pelajar Malaysia di samping cemerlang dalam akademik, dipupuk juga supaya mampu membina kekuatan akhlak, peribadi, dan jati diri yang baik.

(Dipetik dan diubahsuai daripada  
*Dewan Masyarakat, Ogos, 1998*)

## Bahagian C

Jawab **satu** soalan sahaja.

6 Alih bentuk bahasa pelikan di bawah ini kepada bentuk prosa bahasa Melayu moden. [15]

Arakian bergustilah pahlawan Tahir dengan segala pahlawan, maka kalakian segala pahlawan yang berhempas dengan pahlawan Tahir itu semuanya habis lemah alahnya dihempaskan ke bumi dan seorang pun tiada lagi orang berdiri di hadapannya. Dengan demikian pahlawan Tahir pun bertempiklah demikian katanya, “Manatah Rustam pahlawan istana dan pahlawan Sendiman dan pahlawan Kius dan pahlawan Nizan. Marilah sekarang melihat maka kuatku di medan ini.”

Setelah didengar Amirul Mukminin Hamzah seru pahlawan Tahir demikian, maka Amirul Mukminin Hamzah pun bertanya kepada Umar Umayyah, “Apa kata orang tinggal itu?” Maka kata Umar Umayyah, “Hai Hamzah di dalam dunia tiada seorang pun sebagaiku.”

Kemudian daripada itu, maka Hamzah pun bangkit lalu berhadapan dengan pahlawan Tahir. Setelah datang Hamzah ke depan pahlawan Tahir, maka dihunjurkan kakinya di hadapan pahlawan Tahir, maka kata Hamzah, “Hai pahlawan, jika engkau laki-laki, marilah angkat kakiku.”

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada *Warisan Prosa Klasik*,  
Mohd Taib Osman dan Abu Hassan Sham, DBP: 1975. Hal. 131-132)



PERODUA (Perusahaan Otomobil Kedua Sdn Bhd). Maju Bersama Kami. Operator Pengeluaran (Lelaki dan Wanita). Tamat Tingkatan 5/SPM.

Berumur 18-25 tahun. Faedah-faedah:

Gaji permulaan yang kompetitif

Pakaian seragam

Bonus tahunan 2 bulan

Elaun syif

Caruman **KWSP** dan **PERKESO**

Kerja 5 hari seminggu

Elaun pengangkutan kerja lebih masa pada hari Ahad

Faedah perubatan dan insurans kemalangan 24 jam

Skim sewa motosikal syarikat selepas disahkan jawatan

Rumah sewa dan pengangkutan

Temu duga terbuka

**Taiping**

Jabatan Tenaga Rakyat

Tingkat 3, Wisma Persekutuan

Jalan Istana

34000 Taiping

Tel: 05-8072806

14 September 1995 (Khamis) 9.30 pagi hingga 3.30 petang

**Grik**

Jabatan Tenaga Rakyat

Bangunan Kerajaan, Tingkat Bawah

Jalan Sultan Abdul Aziz

33300 Grik

Tel: 05-7912213

14 September 1995 (Khamis) 9.30 pagi hingga 3.30 petang

**Serendah**

Kompleks Perodua

Lot 1896, Sungai Choh

Mukim Serendah 48000

Rawang

Tel: 03-6928888

18-22 September 1995 (Isnin-Jumaat) 10.00 pagi hingga 3.00 petang

Sila bawa sijil asal dan salinan sijil serta sekeping gambar.

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada  
*Utusan Malaysia*, 12 September 1995)

## **Bahagian D**

**8** Kenal pasti kesalahan bahasa dalam petikan di bawah. Bagi setiap kesalahan, jelaskan sebab kesalahan dan kemudian buat pembetulan. [15]

Rantau Asia Tenggara dianggap sebagai kawasan yang paling dinamik sekali di dunia. Dalam kawasan ini menghasilkan sebahagian besar daripada keluaran dunia. Sekiranya pertumbuhan ekonomi semasa terus mantap, di akhir abad ke20 sumbangan kawasan ini akan mencapai 20 hingga 25 peratus daripada keluaran dunia. Dengan lain-lain perkataan, kawasan ini akan menjadi pusat ekonomi dunia. Kejayaan matlamat ini bergantung kepada komitmen yang negara-negara ASEAN sendiri berikan. Matlamat ini tidak akan tercapai jika ada anggotanya yang lebih mementingkan pertumbuhan dan keuntungan perdagangan negara mereka sendiri tanpa mengambil kira masalah ekonomi beberapa negara-negara anggota.